

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan. Laporan ini mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

Bahagian II : Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2021

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan

- a. Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 145 Agensi Persekutuan bagi tahun kewangan 2021. Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 141 penyata kewangan Agensi Persekutuan tahun 2021 telah siap diaudit dan selesai pensijilan Ketua Audit Negara manakala empat penyata kewangan dalam proses pengauditan.
- b. Sebanyak 141 Sijil Ketua Audit Negara terhadap Penyata Kewangan Agensi Persekutuan telah dikeluarkan terdiri daripada:
 - 102 penyata kewangan diberi Pendapat Tanpa Teguran;
 - 21 penyata kewangan diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara; dan
 - 18 penyata kewangan diberi Pendapat Berteguran.
- c. Sebanyak 116 Agensi Persekutuan telah menerima pakai Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) dalam menyediakan penyata kewangan bagi tahun 2021 termasuk lima Agensi Persekutuan yang menerima pakai MPSAS buat kali pertama. Selain itu, sebanyak 11 Agensi Persekutuan menerima pakai Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) manakala 18 Agensi Persekutuan menerima pakai Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS).

1.2. Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan

- a. Pengauditan Pematuhan telah dilaksanakan terhadap lapan Agensi Persekutuan dengan semakan Audit berjumlah RM301.35 juta.
- b. Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, terdapat ketidakpatuhan dalam pengurusan kewangan di Agensi Persekutuan yang menyebabkan berlakunya isu kehilangan hasil, pembayaran tidak teratur dan pengurusan berjumlah RM108 juta. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

i. Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

Penemuan Audit berkaitan Kutipan Hasil Sewa Hartanah adalah berjumlah RM24.45 juta seperti berikut:

- hasil sewaan hartanah sejumlah RM12.84 juta tidak dikutip; dan
- hasil sewaan hartanah sejumlah RM11.61 juta tidak dapat dikenakan kepada anak syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad.

ii. Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Penemuan Audit berkaitan Tuntutan Ganti Rugi Penghutang Pecah Kontrak adalah berjumlah RM58.57 juta seperti berikut:

- potensi kerugian terhadap ganti rugi belum menuntut berjumlah RM51.08 juta;
- hapus kira terhadap penghutang pecah kontrak berjumlah RM6.23 juta; dan
- ganti rugi berjumlah RM1.26 juta tidak dapat dituntut.

iii. Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Penemuan Audit berkaitan Agihan Hasil Padi bagi Projek Ladang Merdeka adalah berjumlah RM4.83 juta seperti berikut:

- agihan hasil padi berjumlah RM4.36 juta kepada wakil peserta yang tidak dapat disahkan; dan
- hasil padi berjumlah RM0.47 juta tidak diagih kepada peserta Projek Ladang Merdeka pada setiap akhir musim penanaman padi.

iv. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Penemuan Audit berkaitan Kutipan Tuntutan Penghutang Ganti Rugi Cuti Belajar adalah berjumlah RM1.50 juta seperti berikut:

- kelewatan mengambil tindakan terhadap penghutang ganti rugi cuti belajar menyebabkan UKM kehilangan hasil berjumlah RM0.64 juta; dan
- pengurangan bayaran balik hutang dan pembayaran ganti rugi cuti belajar secara *in-kind* berjumlah RM0.86 juta tidak dapat dikutip disebabkan kutipan tuntutan dibatasi tempoh Akta Had Masa 1953 [Akta 254] serta *in-kind* yang tidak dilaksanakan penghutang.

v. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Kelemahan dalam penyediaan dokumen perjanjian telah mengakibatkan berlaku potensi kerugian sejumlah RM1.04 juta bagi nilai 52 petak parkir yang masih belum disediakan di Menara SSM Sarawak.

vi. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Kelemahan ketara dalam kutipan hasil sewaan pajakan Loji Rintis Rangsum Ternakan menyebabkan hasil tidak dikutip berjumlah RM0.60 juta dan telah dihapus kira.

vii. Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)

Kelemahan dalam bayaran Pembekalan Perabot dan Kelengkapan RKAT di Parcel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil melibatkan kerja tambahan berjumlah RM280,000 diluluskan selepas tamat tempoh kontrak dan kerja tambahan dilaksanakan sebelum kelulusan diberikan.

viii. Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp.)

Baki geran bagi Program SME Investment Partner berjumlah RM16.73 juta yang tidak dibelanjakan merupakan kos melepasi kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana serta Kerajaan kerana peruntukan tersebut tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

2. Keseluruhan syor yang diberikan oleh Ketua Audit Negara kepada Agensi Persekutuan untuk tindakan pembetulan dan penambahbaikan adalah 24 syor, iaitu tiga syor bagi pengesahan penyata kewangan dan 21 syor bagi pengauditan pematuhan.